

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 13 TAHUN 1975¹

**PERUBAHAN TANGGAGAJI BAGI PEMBANTU LUAR
RANCANGAN TANAH NEGERI**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan tanggagaji bagi jawatan Pembantu Luar Rancangan Tanah Negeri yang ada sekarang seperti berikut:

(i) Perak	$\$160 \times 10-200/215 \times 15-275/$ $290 \times 15-350/375 \times 25-425$
(ii) Pahang	$\$170 \times 10-190/200 \times 15-230/$ $245 \times 15-260$
(iii) Negeri Sembilan	$\$160 \times 10-200/215 \times 15-275/$ $290 \times 15-335$
(iv) Perlis	$\$160 \times 10-200/215 \times 15-275/$ $290 \times 15-335$
(v) Melaka	$\$160 \times 10-200/215 \times 15-275$

Adalah diubah kepada tanggagaji gunasama bagi semua negeri iaitu:

$\$160 \times 10-200/215 \times 15-275/290 \times 15-335$.

Tanggagaji sekarang bagi Pembantu Luar Negeri Perak iaitu:

$\$160 \times 10-200/215 \times 15-275/290 \times 15-350/375 \times 25-425$ adalah dikhaskan untuk Penyandang sekarang.

Sifir Pemindahan Gaji

Sifir Pemindahan adalah seperti yang dilampirkan di Lampiran "A" dan "A (i)". Tarikh kuatkuasa perubahan itu adalah mulai daripada 1hb April, 1975.

Tarikh Kenaikan Gaji

Tarikh kenaikan gaji adalah tidak berubah kecuali dalam keadaan di mana dua atau lebih matagaji berpindah ke satu matagaji atas tanggagaji baru. Walau bagaimanapun pekerja-pekerja yang berada

di atas tanggagaji yang tertinggi atas tanggagaji sekarang selama satu tahun atau lebih pada atau sebelum 1hb April, 1975, maka tarikh kenaikan gaji adalah berubah kepada 1hb Mei, 1975. Dan tarikh kenaikan gaji seterusnya adalah tiap-tiap 1hb Mei.

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR,
18hb April, 1975.

CATATAN:

¹ Dibatalkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977 mulai 31hb Mac, 1977.